

KAFA didesak pulih imej The Red Warriors

Prestasi merudum yang dipamerkan oleh pasukan Kelantan akhir-akhir ini menimbulkan rasa resah dan marah peminat fanatik pasukan itu.

Pemenang Piala FA 2012 itu tumbang dalam tiga perlawanan sebelum ini iaitu ketika menentang Selangor dan Johor Darul Takzim (Johor DT) manakala seri 1-1 dengan Terengganu, Sabtu lalu.

Terbaru, kekalahan 2-3 Pasukan *The Red Warriors* kepada Yangon United dalam perlawanan Kumpulan G di Stadium Sultan Muhammad IV, sekali gus menyingkirkan Kelantan pada saingan Piala AFC.

Pasukan yang dibimbing Steve Darby itu kini berada di tempat tercorot kumpulan dengan tiga mata selepas lima perlawanan. Kekalahan ini sesungguhnya telah menoktahkan harapan penyokong untuk melihat *The Red Warriors* mara ke tangga yang lebih tinggi.

Peminat kecewa

Pelbagai kata-kata dan komen peminat tegar sukan bola sepak persatuan ini dapat dilihat di media sosial. Mereka meluahkan rasa kecewa dan ketidakpuasan hati dengan corak permainan pasukan.

Pemain yang berpengalaman dan berbakat ibarat hilang punca apabila berada di atas padang. Ke hulu ke hilir mengejar bola dengan taktikal yang tidak berkesan dan sistematik.

Setiap kali selepas perlawanan, laman sosial pasti penuh dengan kata-kata kekecewaan penyokong.



Penyokong Kelantan tidak puas hati dengan corak permainan *The Red Warriors* di bawah bimbingan Steve Darby. [GAMBAR HIASAN]

Kebanyakan mereka mengkritik cara pengendalian jurulatih baharu Kelantan, Steve Darby yang dilihat seolah-olah kekeringan idea dan gagal memanfaatkan kelebihan yang ada pada setiap pemainnya.

Salahkan jurulatih

Rata-rata penyokong melabelkan kemerosotan dan kehambaran corak permainan pasukan Kelantan adalah kesan taktikal yang tidak menjadi pengendali kelahiran England itu.

Penyokong Kelantan dilihat kurang sabar dan marah dengan

jurulatih berkenaan. Ia jelas kelihatan pada perlawanan antara Kelantan dan Yangon United. Jurulatih terbabit kena 'boo' apabila ke tepi padang.

Justeru, mereka mendesak Persatuan Bola Sepak Kelantan (KAFA) berbuat sesuatu dan mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan soal kehambaran prestasi pasukan.

Imej pasukan *The Red Warriors* yang tercalar harus dipulihkan dengan segera.

Shahrul Naim Tokiman,
USIM

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:
bhforum@bh.com.my